



**PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG**

***REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)***

**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
KOMPLEKS AKADEMI BADMINTON PULAU PINANG  
DI ATAS PT217 DAN CADANGAN BANGUNAN  
KOMERSIAL DI ATAS PT214, SEKSYEN 8, DAERAH  
TIMUR LAUT, PULAU PINANG**

**Urusetia :**

**Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang,  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang,  
Tingkat 47, KOMTAR,  
10503 Pulau Pinang**

**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
KOMPLEKS AKADEMI BADMINTON PULAU PINANG  
DAN CADANGAN BANGUNAN KOMERSIAL  
ISI KANDUNGAN**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
1.	<b>PENGENALAN</b>	3
2.	<b>PANDUAN KEPADA PEMBIDA PROJEK</b>	4
	2.1 Tujuan RFP	4
	2.2 Skop Umum	4-5
	2.3 Tapak Projek	5-6
	2.4 Lawatan Tapak	7
	2.5 Pelaksanaan Projek	7
3.	<b>MAKLUMAT YANG PERLU DISEDIAKAN OLEH PEMBIDA PROJEK</b>	8
	3.1 Maklumat Umum	8-9
	3.2 Konsep Pembangunan Projek	9-10
	3.3 Konsep Pengurusan Projek	10-11
	3.4 Keupayaan Korporat	11-12
	3.5 Keupayaan Teknikal	12
	3.6 Keupayaan Kewangan	12
	3.7 Kebolehlaksanaan Projek	13
	3.8 Anggaran Kos, Kaedah Pembiayaan dan Pulangan Pelaburan (ROI)	14-15
	3.9 Strategi Pemasaran	15
	3.10 Pulangan Kepada Kerajaan Negeri	15
4.	<b>SYARAT DAN TERMA</b>	16-19
5.	<b>LAMPIRAN</b>	20
	Lampiran A : Pelan Tapak	20
	Lampiran B : Peta Lokasi	21
	Lampiran C : Senarai Jabatan / Agensi Teknikal	22-23
	Lampiran D : Sekretariat CMI	24
	Lampiran E : Latar Belakang Syarikat Pembida	25-27
	Lampiran F : Pengakuan	28
	Lampiran G1: Surat Akuan Pembida	29-30
	Lampiran G2: Surat Akuan Pembida Berjaya	31-32
	Lampiran H : Spesifikasi Kemudahan Standard Antarabangsa	33

## **1. PENGENALAN**

- 1.1 Pembangunan di sepanjang Persiaran Karpal Singh, Bandar George Town, Daerah Timur Laut (DTL), Pulau Pinang telah berjaya menarik ramai penduduk tempatan dan pelancong terutamanya pada waktu petang dan hujung minggu untuk aktiviti riadah serta santai di samping menikmati pemandangan indah dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang dipromosikan di sana.
- 1.2 Persekitaran di kawasan tersebut menjadikan tapak tersebut kondusif untuk pembinaan Kompleks Akademi Badminton Pulau Pinang dan bangunan komersial sebagai contoh pembangunan hotel sebagai pelengkap kepada penganjuran kejohanan badminton bertaraf kebangsaan / antarabangsa / dunia. Pelaksanaan pembangunan di atas tanah tersebut juga dapat mengelakkan daripada berlakunya sebarang pencerobohan tanpa kebenaran oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ke atas tanah Kerajaan Negeri.
- 1.3 Sukan badminton dilihat sebagai prospek dalam meningkatkan daya hidup serta kualiti hidup selaras dengan visi Penang 2030 yang memfokuskan kepelbagaian kemudahan rekreasi, sukan, kesenian dan kebudayaan. Dengan adanya kemudahan sukan dan rekreasi yang kondusif, kita dapat menarik minat golongan belia dalam melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah seterusnya dapat mengamalkan gaya hidup yang sihat. Sukan badminton menjadi sukan yang diminati ramai tidak mengira peringkat umur disamping dapat mengekalkan gaya hidup sihat.
- 1.4 Kepelbagaian kemudahan sukan dan rekreasi dapat melahirkan lebih ramai atlet yang mampu mengharumkan nama negara serta mengangkat martabat sukan badminton di persada dunia antaranya Dato' Lee Chong Wei, Chan Peng Soon, Lim Khim Wah, dan Ong Ewe Hock yang merupakan anak kelahiran Pulau Pinang.

## **2. PANDUAN KEPADA PEMBIDA PROJEK**

### **2.1 Tujuan RFP**

Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) mempelawa cadangan daripada Pembida untuk membangun dan menguruskan Kompleks Akademi Badminton Pulau Pinang termasuk bangunan komersial. Ini adalah salah satu usaha Kerajaan Negeri untuk memaksimumkan (*unlocked*) nilai strategik bagi aset negeri dalam menjana hasil melalui *Public Private Partnership* (PPP). RFP ini juga bertujuan untuk menggalakkan idea kreatif dan inovatif daripada syarikat-syarikat yang terlibat bagi membangun dan menguruskan pembangunan sukan badminton seiring dengan hasrat dan wawasan Kerajaan Negeri.

Sepanjang tempoh pelaksanaan, Pembida yang berjaya perlu bekerjasama dengan pelbagai pihak meliputi jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan.

### **2.2 Skop Umum**

Pembida yang berjaya dikehendaki memiliki pemahaman yang mendalam mengenai:

- i. Pelan Tapak PT 214 dan PT 217, Seksyen 8, Bandar George Town, DTL, Pulau Pinang (seperti di **Lampiran A**);
- ii. Peta Lokasi Sekitar Tapak PT 214 dan PT 217, Seksyen 8, Bandar George Town, DTL, Pulau Pinang (seperti di **Lampiran B**);
- iii. Perancangan pembangunan Kompleks Akademi Badminton;

**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
KOMPLEKS AKADEMI BADMINTON PULAU PINANG  
DAN CADANGAN BANGUNAN KOMERSIAL**

- iv. Perancangan pembangunan bangunan komersial;
- v. Perancangan pembangunan hotel / asrama / penginapan pemain;
- vi. Perancangan pembangunan muzium / galeri badminton
- vii. Keperluan Jabatan/ Agensi Teknikal (senarai jabatan / agensi teknikal seperti di **Lampiran C**)

### **2.3 Tapak Projek**

PT 214 dan PT 217, Seksyen 8, Bandar George Town, DTL, Pulau Pinang berkeluasan 3.2 ekar bersamaan 12,949.90 meter persegi. Syarat nyata tanah bagi PT 214 adalah komersial manakala syarat nyata tanah bagi PT 217 adalah Akademi Badminton Pulau Pinang. Kedua-dua tanah terletak bersebelahan antara satu sama lain dan terbahagi dengan laluan jalan.



Tapak PT 214 (1 ekar)

**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
KOMPLEKS AKADEMI BADMINTON PULAU PINANG  
DAN CADANGAN BANGUNAN KOMERSIAL**



Tapak PT 217 (2.2 ekar)



Lokasi PT 214 & PT 217

**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
KOMPLEKS AKADEMI BADMINTON PULAU PINANG  
DAN CADANGAN BANGUNAN KOMERSIAL**

**2.4 Lawatan Tapak**

Pembida digalakkan menghadiri lawatan tapak yang dijadualkan pada 9 April 2021 pada jam 10.00 pagi.

Maklumat lanjut berhubung lawatan tapak boleh diperolehi daripada Sekretariat CMI seperti di **Lampiran D**.

**2.5 Pelaksanaan Projek**

Jadual pelaksanaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

i.	Pengiklanan RFP	-	1 April 2021
ii.	Tarikh lawatan tapak	-	9 April 2021
iii.	Tarikh tutup RFP	-	31 Mei 2021
iv.	Pembentangan kepada Jawatankuasa untuk pertimbangan dan kelulusan	-	Jun – Ogos 2021
v.	Surat niat kepada pembida berjaya	-	Sept 2021
vi.	Surat setuju terima	-	Sept / Okt 2021
vii.	Menandatangani perjanjian	-	Dis 2021
viii.	Permohonan kebenaran merancang	-	4 bulan selepas SST
ix.	Projek disiapkan dan beroperasi	-	48 bulan selepas perjanjian ditandatangani

**3. MAKLUMAT YANG PERLU DISEDIAKAN OLEH PEMBIDA PROJEK**

Pembida projek perlu menghantar maklumat yang lengkap dan terperinci mengenai cadangan pembangunan dan pengurusan Kompleks Akademi Badminton Pulau Pinang dan cadangan bangunan komersial yang bersesuaian.

Garis panduan untuk menyediakan cadangan adalah seperti di bawah:

### **3.1 Maklumat Umum**

Pada bahagian ini, cadangan haruslah mengandungi ringkasan eksekutif yang terdiri daripada gambaran keseluruhan mengenai Pembida, projek yang akan dilaksanakan, jadual pelaksanaan, dan anggaran kos yang terlibat.

Maklumat mengenai latar belakang Syarikat Pembida seperti di **Lampiran E** harus dilengkapkan yang merangkumi aspek berikut:

- i. Nama syarikat;
- ii. No. Pendaftaran syarikat;
- iii. Tarikh penubuhan syarikat;
- iv. Jenis perniagaan utama;
- v. Alamat syarikat (Ibu Pejabat dan Cawangan);
- vi. No. telefon, faks dan alamat e-mel;
- vii. Modal berbayar syarikat;
- viii. Jenis dan butiran pemilikan syarikat;
- ix. Senarai Ahli Lembaga Pengarah;
- x. Maklumat mengenai pengurusan atasan; dan
- xi. Bilangan pekerja.

Syarikat Pembida perlu mengemukakan salinan sijil-sijil pendaftaran dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Kewangan (MOF) beserta tempoh sahlaku.

Satu perjanjian akan ditandatangani antara CMI sebagai pemilik tanah dengan pembida yang berjaya untuk tempoh pajakan selama 30 + 30 tahun.



Pembida berjaya :

i) dilarang menggunakan tanah tersebut atau mana-mana bahagiannya sebagai cagaran untuk tujuan apa pun;

ii) tidak boleh menyewakan atau memindahkan tanah kepada pihak ketiga; dan

iii) akan menyerahkan kembali keseluruhan tanah dan bangunan kepada CMI tanpa sebarang kos tambahan selepas tamat tempoh pajakan.

### **3.2 Konsep Pembangunan Projek**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk mempelawa syarikat berkeupayaan untuk membangunkan tanah kerajaan PT217, Seksyen 8, DTL, Pulau Pinang sebagai sebuah Kompleks Akademi Badminton Pulau Pinang serta tanah PT214, Seksyen 8, DTL, Pulau Pinang sebagai sebuah bangunan komersial.

Pembangunan bagi Kompleks Akademi Badminton perlulah mematuhi keperluan spesifikasi kemudahan standard antarabangsa yang ditetapkan (seperti di **Lampiran H**).

Syarikat Pembida juga diharap mempunyai keupayaan untuk mempromosi Kompleks Akademi Badminton Pulau Pinang tersebut sekaligus menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang terkenal dengan sukan badminton.

Namun demikian, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menghadkan pembangunan sukan badminton semata-mata di tapak tersebut selagi ia masih dalam skop yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri percaya bahawa setiap syarikat mempunyai keupayaan dan kebolehan

**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
KOMPLEKS AKADEMI BADMINTON PULAU PINANG  
DAN CADANGAN BANGUNAN KOMERSIAL**

yang tersendiri dalam pembangunan yang akan dilaksanakan. Pembida digalakkan menyediakan kemudahan untuk penunggang basikal seperti bilik persalinan dan rak basikal.

Syarikat pembida juga digalakkan menyediakan konsep persekitaran hijau serta penyediaan kawasan lapang dalam pembangunan yang dicadangkan termasuk keperluan penyediaan bangunan yang mematuhi spesifikasi *Green building Index* (GBI).

Syarikat Pembida juga boleh membangunkan dan menguruskan Akademi Badminton tersebut secara usahasama dengan syarikat tempatan atau syarikat antarabangsa yang mempunyai kepakaran dalam bidang sukan.

### **3.3 Konsep Pengurusan Kompleks Akademi Badminton Pulau Pinang dan Bangunan Komersial**

Pembida perlu menyatakan secara terperinci senarai ahli pengurusan beserta jawatan dan jumlah pekerja yang akan terlibat untuk Pembangunan Dan Pengurusan Kompleks Akademi Badminton Pulau Pinang serta bangunan komersial yang dicadangkan. Komposisi pekerja tempatan dan asing juga perlu diperincikan.

Syarikat Pembida perlu memasukkan maklumat mengenai pengurusan penyelenggaraan dan landskap bagi memastikan susun atur pembangunan kompleks akademi tersebut.

Pembida boleh mengemukakan cadangan pengurusan akademi badminton termasuk sasaran peserta (umur/kategori/bilangan), konsep latihan, strategi jangka pendek dan panjang untuk melahirkan pemain badminton di negeri Pulau Pinang dan sasaran akademi (bilangan pemain dari akademi yang akan menjadi pemain negeri/negara dalam tempoh beberapa tahun).

**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
KOMPLEKS AKADEMI BADMINTON PULAU PINANG  
DAN CADANGAN BANGUNAN KOMERSIAL**

Syarikat Pembida juga perlu menawarkan program-program secara *Corporate Social Responsibility* (CSR) kepada Kerajaan Negeri antaranya:

- i) memberi keutamaan kepada sebarang aktiviti / program melibatkan Kerajaan Negeri (*state endorse event*);
- ii) menetapkan bilangan hari / setahun untuk kegunaan aktiviti / program rasmi Kerajaan Negeri secara percuma;
- iii) menganjurkan kejohanan tahunan negeri / kebangsaan bagi mempromosikan sukan badminton Pulau Pinang; dan
- iv) memberi keutamaan kepada pihak Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang terutamanya untuk kegunaan pasukan negeri.
- v) lain-lain yang berkaitan.

### **3.4 Keupayaan Korporat**

#### **3.4.1 Projek Pembangunan dan Pengalaman**

Syarikat Pembida perlu mengenalpasti perunding, kontraktor, pembekal, pengendali dan pembiaya kewangan tempatan atau antarabangsa yang akan terlibat di dalam projek yang dicadangkan. Syarikat Pembida juga perlu mengemukakan perancangan pembangunan projek meliputi aspek-aspek pengurusan projek dari segi pembangunan dan pelaksanaan projek termasuk ringkasan fungsi pengurusan utama serta jawatan-jawatan yang bakal diwujudkan. Ringkasan Pengurusan Projek perlu merangkumi jadual pembangunan projek dan operasi komersial. Dokumen sokongan yang menunjukkan

**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
KOMPLEKS AKADEMI BADMINTON PULAU PINANG  
DAN CADANGAN BANGUNAN KOMERSIAL**

komitmen dan kesungguhan Pembida untuk terlibat dalam projek ini juga boleh disertakan untuk mengukuhkan cadangan.

### **3.5 Keupayaan Teknikal**

Bahagian ini perlu dilengkapkan secara terperinci dan perlu mengandungi maklumat yang lengkap untuk meyakinkan bahawa Syarikat Pembida, syarikat perunding, kontraktor, pembekal dan pengendali projek memiliki keupayaan teknikal, pengalaman dan juga kepakaran (sama ada secara langsung ataupun melalui khidmat pihak tempatan atau antarabangsa) untuk mengendalikan projek yang dicadangkan, dan pihak CMI juga amat menitikberatkan kelayakan Syarikat Pembida dalam melaksanakan projek ini.

Pengalaman kakitangan teknikal, *resume* kakitangan utama yang terlibat dan senarai nama perunding yang terlibat dalam projek ini perlu disertakan. Senarai dan nilai projek yang pernah dibangunkan dan diuruskan oleh Pembida atau syarikat kerjasama juga perlu disertakan.

Pembida yang berjaya dikehendaki menyediakan laporan-laporan seperti berikut:

- i) Laporan Penilaian Kesesakan Lalulintas (*Traffic Impact Assesment*);
- ii) Laporan Analisis Impak Sosial (*Social Impact Analysis*);
- iii) Laporan *Road Safety Audit*; dan
- iv) Laporan-Laporan lain yang diperlukan oleh Pihak Berkuasa.

### **3.6 Keupayaan Kewangan**

Bahagian ini mestilah dilengkapkan secara terperinci dan perlu mengandungi maklumat yang mencukupi untuk memperlihatkan dengan yakin bahawa syarikat Pembida dan rakan kongsi tempatan atau antarabangsa mempunyai keupayaan, pengalaman dan kepakaran untuk membiayai, membangun dan menguruskan projek yang dicadangkan, dan pihak CMI amat menitikberatkan kelayakan Pembida bagi melaksanakan projek ini.

Penyata Kewangan yang diaudit bagi 3 tahun terkini (2017, 2018 dan 2019), senarai projek (tempatan dan luar negara) yang telah dilaksanakan, surat pengesahan projek siap dan sijil-sijil menyatakan kelayakan Syarikat Pembida juga perlu dilampirkan bersama kertas cadangan.

Pembida juga perlu mempunyai bukti yang meyakinkan bahawa pembida mempunyai kewangan yang kukuh (modal berbayar minima RM5juta) dan boleh secara langsung atau berjaya menguruskan pembiayaan untuk projek tersebut. Pembida perlu membiayai kos penyelenggaraan minimum RM500,000.00 setahun untuk tempoh 30 tahun pertama dan RM1,000,000.00 setahun untuk tempoh 30 tahun berikutnya untuk penyelenggaraan bulanan dan ditunjukkan dalam akaun berasingan. Pembaikan dan penyelenggaraan haruslah mencapai tahap kepuasan Kerajaan Negeri (semakan oleh JKR).

### **3.7 Kebolehlaksanaan Projek**

#### **3.7.1 Umum**

Cadangan perlu dikemukakan bersama pelan pembangunan dan pengurusan projek dan menerangkan berkaitan kemampuan projek dalam tempoh konsesi iaitu 30 tahun pertama.

### **3.7.2 Kajian Ekonomi**

Syarikat Pembida dikehendaki menyediakan kajian ekonomi berkaitan dengan projek yang dicadangkan. Kaedah kajian adalah berdasarkan kreativiti Pembida dan kajian terperinci serta mendalam perlu dilakukan bagi meyakinkan CMI bahawa projek dapat dilaksanakan. Kos yang dianggarkan bagi pembangunan dan pengurusan projek juga perlu realistik dan munasabah.

### **3.8 Anggaran Kos, Kaedah Pembiayaan Dan Pulangan Kepada Pelaburan (ROI)**

3.8.1 Syarikat Pembida perlu menyatakan secara terperinci anggaran modal dan kos keseluruhan yang akan terlibat serta pecahan kos yang akan terlibat bagi pembangunan dan pengurusan Kompleks Akademi Badminton Pulau Pinang serta Bangunan Komersial. Kos operasi yang terlibat juga perlu diperincikan.

3.8.2 Kos yang dicadangkan perlulah realistik dan munasabah dan Syarikat Pembida perlu membiayai keseluruhan kos pembangunan dan pengurusan tersebut.

3.8.3 Syarikat Pembida perlu menyatakan secara terperinci mengenai pelan pembiayaan projek termasuk pinjaman dan ekuiti, bersama dengan dokumen-dokumen yang menyatakan pengalaman Pembida dalam memperolehi pembiayaan bagi projek-projek sebelum ini yang sama atau hampir sama dari segi saiz dan teknologi yang digunakan.

3.8.4 Syarikat Pembida harus menyatakan secara terperinci mengenai aliran tunai keluar masuk yang merangkumi hasil yang diterima sebagai pulangan kepada pelaburan (ROI) bagi projek ini semasa operasi normal dalam tempoh cadangan projek.

3.8.5 Pembida yang mengemukakan nilai pelaburan melebihi RM100juta akan dipertimbangkan untuk tambahan tempoh pajakan selama 30 tahun lagi (30+30+30) sekiranya ada permohonan.

### **3.9 Strategi Pemasaran**

Syarikat Pembida perlu menyediakan strategi pemasaran bagi mempromosikan Kompleks Akademi Badminton, memaksimumkan potensi kawasan ini dan menaikkan nama Pulau Pinang sebagai lokasi unggul untuk kejohanan sukan badminton bertaraf antarabangsa.

### **3.10 Pulangan Kepada Kerajaan Negeri**

Pembida perlu menyatakan secara terperinci mengenai pulangan kepada Negeri Pulau Pinang termasuk peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, penglibatan kontraktor dan pembekal tempatan, serta juga pulangan berbentuk kewangan kepada Kerajaan Negeri.

Pembida dikehendaki untuk mengemukakan cadangan bayaran pajakan kepada CMI sejumlah amaun yang perlu dipersetujui bersama Kerajaan Negeri.

#### **4. SYARAT DAN TERMA**

- 4.1 Syarikat Pembida adalah dipelawa untuk mengemukakan cadangan berdasarkan keperluan yang dinyatakan di dalam dokumen ini. Kegagalan untuk mengemukakan sebarang maklumat yang dikehendaki akan menyebabkan cadangan ditolak.
- 4.2 Syarikat Pembida perlu menanggung segala kos yang berkaitan dengan penyediaan dan penyerahan RFP. RFP perlu diserahkan kepada CMI pada atau sebelum 12.00 tengah hari, 31 Mei 2021.
- 4.3 Pembida dikehendaki untuk membayar RM3,000.00 melalui bank draft / kiriman wang sebagai yuran pemprosesan kepada Bendahari Negeri Pulau Pinang semasa mengemukakan RFP. Cek persendirian dan cek syarikat tidak diterima. Bayaran ini tidak akan dikembalikan melainkan CMI memutuskan untuk membatalkan projek ini.
- 4.4 Satu (1) *softcopy* dan satu (1) salinan bercetak perlu dikemukakan ke alamat berikut secara serahan tangan atau pos:

Sekretariat  
Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI)  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Paras 47, KOMTAR  
10503 Pulau Pinang  
Malaysia.

- 4.5 Cadangan yang diterima selepas masa dan tarikh tutup tidak akan dilayan.



**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
KOMPLEKS AKADEMI BADMINTON PULAU PINANG  
DAN CADANGAN BANGUNAN KOMERSIAL**

- 4.6 Penyerahan harus dilakukan dengan menggunakan sampul bertutup dan ditulis dengan jelas di sebelah atas kanan sampul “**Cadangan Pembangunan Dan Pengurusan Kompleks Akademi Badminton Pulau Pinang Di Atas PT 217 Dan Cadangan Bangunan Komersial Di Atas PT214, Seksyen 8, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang**”.
- 4.7 Semua cadangan mestilah menggunakan Bahasa Melayu ataupun Bahasa Inggeris.
- 4.8 Semua cadangan mestilah ditaip menggunakan kertas A4 (8.27” x 11.69”). Walau bagaimanapun, pelan dan lakaran boleh menggunakan saiz kertas yang bersesuaian. Setiap bahagian perlu dimulakan pada muka surat baru dan dilabel sewajarnya. Setiap muka surat juga perlu dinomborkan mengikut turutan.
- 4.9 Borang Pengakuan (seperti di **Lampiran F**) perlu ditandatangani secara rasmi oleh individu yang diberi kuasa oleh pihak syarikat dan salinan asal perlu dikemukakan semula kepada Sekretariat CMI.
- 4.10 Pembida perlu menandatangani borang Surat Akuan Pembida (seperti di **Lampiran G1 dan G2**) dan salinan asal perlu dikembalikan semula kepada Sekretariat CMI.
- 4.11 Sebarang cadangan penambahan dan alternatif adalah dialu-alukan sekiranya masih dalam skop RFP ini.
- 4.12 Syarikat Pembida boleh mengemukakan cadangan secara persendirian ataupun bekerjasama dengan syarikat lain. Walau bagaimanapun, peranan dan tanggungjawab setiap syarikat perlu dinyatakan dengan jelas.

**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
KOMPLEKS AKADEMI BADMINTON PULAU PINANG  
DAN CADANGAN BANGUNAN KOMERSIAL**

- 4.13 Tiada pindaan boleh dibuat selepas cadangan dikemukakan kepada CMI.
- 4.14 CMI mempunyai hak sepenuhnya untuk menerima ataupun menolak cadangan yang telah dikemukakan dan tidak terikat dalam apa-apa cara sekalipun untuk memberi projek kepada seseorang ataupun syarikat yang mengemukakan cadangan. CMI juga tidak perlu untuk memberi sebarang sebab atau alasan untuk penolakan cadangan yang diterima.
- 4.15 Setelah RFP dikeluarkan, maklumat berkaitan dengan kandungan, penilaian dan perbandingan cadangan serta syor mengenai penganugerahan kontrak adalah sulit dan tidak harus didedahkan kepada mana-mana individu atau syarikat yang tidak terlibat secara langsung dengan projek ini.
- 4.16 Semua cadangan yang diterima adalah sah selama enam (6) bulan dari tarikh tutup RFP ini tetapi CMI mempunyai hak untuk melanjutkan tempoh sah tambahan selama tiga (3) bulan dengan mengeluarkan notis kepada Pembida.
- 4.17 Hanya syarikat yang berjaya untuk RFP ini sahaja akan dimaklumkan status. Tiada sebarang makluman status bagi syarikat yang tidak berjaya.
- 4.18 CMI tidak perlu untuk memaklumkan atau memberikan maklumat lanjut mengenai proses pemilihan kepada mana-mana syarikat yang berjaya ataupun tidak berjaya.
- 4.19 Syarikat Pembida yang berjaya dikehendaki untuk menandatangani perjanjian secara rasmi dengan CMI.

**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
KOMPLEKS AKADEMI BADMINTON PULAU PINANG  
DAN CADANGAN BANGUNAN KOMERSIAL**

- 4.20 Kegagalan syarikat yang berjaya untuk mematuhi semua keperluan yang telah ditetapkan dalam RFP ini merupakan asas yang kukuh bagi pembatalan penganugerahan tersebut.
- 4.21 Pembida yang berjaya harus menyertakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank yang dikeluarkan oleh bank berdaftar dan beroperasi di Malaysia berjumlah 5% daripada jumlah keseluruhan kos pembangunan kepada CMI dalam tempoh 14 hari daripada perjanjian ditandatangani .
- 4.22 Jaminan Bank tersebut haruslah dipastikan sah dari tarikh dikeluarkan sehingga tarikh tidak kurang dari dua belas (12) bulan selepas tamat projek. Jika didapati Pembida projek gagal untuk menamatkan projek dalam tempoh yang ditetapkan, jaminan bank tidak akan dikembalikan. Jaminan bank tersebut juga tidak akan dikembalikan jika Pembida projek menarik balik cadangan semasa tempoh yang ditetapkan atau melebihi tempoh yang telah ditetapkan.
- 4.23 CMI berhak meminda dari semasa ke semasa spesifikasi dan butir-butir yang dinyatakan di dalam RFP dan Pembida mestilah bersetuju dengan pindaan yang telah dibuat tersebut. Setiap pindaan pada RFP berikutnya akan dimaklumkan kepada Pembida.
- 4.24 Pembida harus bersetuju dan memahami bahawa sekiranya penawaran ini gagal dan perjanjian masih belum ditandatangani, tiada sebarang tindakan boleh diambil ke atas CMI, atau meneruskan apa-apa tindakan terhadap CMI.
- 4.25 Fakta dan maklumat yang terkandung di dalam RFP ini adalah benar sewaktu ia dikemukakan dan dengan ini CMI tidak akan melayan sebarang pertikaian dan tidak akan bertanggungjawab mengenai ketepatan dan kebenaran bagi sebarang fakta dan maklumat yang terkandung dalam RFP ini.

**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
KOMPLEKS AKADEMI BADMINTON PULAU PINANG  
DAN CADANGAN BANGUNAN KOMERSIAL**

**Lampiran A**

**PELAN TAPAK**



**PT 214**



**PT 217**

**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
KOMPLEKS AKADEMI BADMINTON PULAU PINANG  
DAN CADANGAN BANGUNAN KOMERSIAL**

**Lampiran B**

**PELAN LOKASI**



**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
KOMPLEKS AKADEMI BADMINTON PULAU PINANG  
DAN CADANGAN BANGUNAN KOMERSIAL**

**Lampiran C**

**SENARAI JABATAN / AGENSI TEKNIKAL**

<b>NO.</b>	<b>NAMA &amp; ALAMAT</b>	<b>TEL. &amp; FAKS</b>	<b>LAMAN WEB</b>
1.	Jabatan Kewangan Negeri Tingkat 23, KOMTAR 10990 Pulau Pinang	Tel:04-2623505 Faks :04-2614399	<a href="http://jkn.penang.gov.my">http://jkn.penang.gov.my</a>
2.	PLANMalaysia@PulauPinang Tingkat 57, KOMTAR 10000 Pulau Pinang	Tel:04-6505270 Faks:04-2637580	<a href="http://jpbd.penang.gov.my">http://jpbd.penang.gov.my</a>
3.	Pejabat Tanah Dan Galian Tingkat 21 & 22 KOMTAR 10000 Pulau Pinang	Tel:04-2615459 Faks:04-2619588	<a href="http://ptg.penang.gov.my">http://ptg.penang.gov.my</a>
4.	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut Tingkat 50 & 51, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang	Tel:04-6505320 Faks:04-2616137	<a href="http://dtl.penang.gov.my">http://dtl.penang.gov.my</a>
5.	Jabatan Kerja Raya Jalan JKR, Sungai Pinang 11600 Pulau Pinang	Tel:04-2898888 Faks :04-2898988	<a href="http://ppinang.jkr.gov.my">http://ppinang.jkr.gov.my</a>
6.	Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang Tingkat 13, KOMTAR 10675 Pulau Pinang	Tel:04-2592230 Faks:04-2611990	<a href="http://mbpp.gov.my">http://mbpp.gov.my</a>



**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
KOMPLEKS AKADEMI BADMINTON PULAU PINANG  
DAN CADANGAN BANGUNAN KOMERSIAL**

NO.	NAMA & ALAMAT	TEL. & FAKS	LAMAN WEB
7.	Jabatan Perancangan Pembangunan Majlis Bandaraya Pulau Pinang Tingkat 16, KOMTAR 10675 Pulau Pinang	Tel:04-2592156  Faks:04-2623405	<a href="http://mbpp.gov.my">http://mbpp.gov.my</a>
8.	Jabatan Bangunan Majlis Bandaraya Pulau Pinang Tingkat 14, KOMTAR 10675 Pulau Pinang	Tel:04-2592188  Faks:04-2631095	<a href="http://mbpp.gov.my">http://mbpp.gov.my</a>
9.	Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang Jalan Sultan Azlan Shah Batu Uban 11700 Pulau Pinang	Tel:04-6593713  Faks:04-6595996	<a href="http://msnpp.penang.gov.my">http://msnpp.penang.gov.my</a>

**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
KOMPLEKS AKADEMI BADMINTON PULAU PINANG  
DAN CADANGAN BANGUNAN KOMERSIAL**

**Lampiran D**

**Sekretariat CMI**

1. Nama : Pn. Bharathi A/P Suppiah  
Jawatan : Timbalan Pengurus Besar  
Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang  
Tel : 04-6505554 / 016-4751602  
Faks : 04-2619935  
Emel : bharathi@penang.gov.my
  
2. Nama : Pn. Mazirah Bt Mohideen Bathusha  
Jawatan : Penolong Pengurus  
Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang  
Tel : 04-6505572 / 012-5788912  
Faks : 04-2619935  
Emel : mazirah\_mohideen@penang.gov.my
  
3. Nama : Pn. Norwardah Bt Ali  
Jawatan : Penolong Pengurus  
Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang  
Tel : 04-6505421  
Fax : 04-2619935  
Emel : norwardah@penang.gov.my



**LATAR BELAKANG SYARIKAT PEMBIDA**

1. Nama Syarikat : \_\_\_\_\_

2. No. Pendaftaran : \_\_\_\_\_

3. Tarikh Penubuhan Syarikat : \_\_\_\_\_

4. Jenis Perniagaan Utama : \_\_\_\_\_

5. Alamat Syarikat

5.1 Ibu Pejabat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

5.2 Cawangan : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

6. Nombor Untuk Dihubungi

6.1 No. Telefon : \_\_\_\_\_

6.2 No. Faks : \_\_\_\_\_

6.3 Alamat E-mel : \_\_\_\_\_

**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
KOMPLEKS AKADEMI BADMINTON PULAU PINANG  
DAN CADANGAN BANGUNAN KOMERSIAL**

**7. Modal Berbayar Syarikat (Isi mana yang berkenaan)**

**7.1 Perseorangan / Perkongsian : RM\_\_\_\_\_**

**7.2 Sendirian Berhad/ Berhad :**

**a. Modal Dibenar : RM\_\_\_\_\_**

**b. Modal Dibayar : RM\_\_\_\_\_**

**8. Jenis dan Butiran Pemilikan Syarikat**

**8.1 Perseorangan :**

**a. Nama Pemilik : \_\_\_\_\_**

**b. No. K/P : \_\_\_\_\_**

**8.2 Perkongsian :**

<b>Nama Pekongsi</b>	<b>Nombor Kad Pengenalan</b>	<b>Peratus Perkongsian</b>

**(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)**

**8.3 Sendirian Berhad / Berhad :**

<b>Nama Pemegang Saham</b>	<b>Nombor Kad Pengenalan</b>	<b>Peratus Bahagian</b>

**(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)**

**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
KOMPLEKS AKADEMI BADMINTON PULAU PINANG  
DAN CADANGAN BANGUNAN KOMERSIAL**

**9. Senarai Ahli Lembaga Pengarah**

Nama	No. Kad Pengenalan

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

**10. Maklumat Mengenai Pengurusan Atasan**

Nama	Jawatan	Tempoh Perkhidmatan Dalam Syarikat

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

**11. Bilangan Pekerja**

**11.1** Tempatan : \_\_\_\_\_ orang

**11.2** Asing : \_\_\_\_\_ orang

**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
KOMPLEKS AKADEMI BADMINTON PULAU PINANG  
DAN CADANGAN BANGUNAN KOMERSIAL**

**Lampiran F**

**PENGAKUAN**

Di atas pengetahuan saya, dengan ini saya memperakui bahawa segala maklumat yang terkandung di dalam cadangan ini adalah benar.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

